

05 FEB 2004

BN-Pilihan raya

KENAL KEKUATAN DIRI, JENTERA PILIHAN RAYA BN KEDAH DIMANTAPKAN

Oleh: Zulkefli Salleh

ALOR STAR, 5 Feb (Bernama) -- Kemenangan, secara praktikal mahu pun moral, sebenarnya sudah sepatutnya berada di dalam tangan Barisan Nasional

(BN) negeri Kedah pada pilihan raya umum ke-11 akan datang.

Ibarat pepatah "perahu sudah di air, pendayung di tangan" BN negeri sudah mempunyai segala-galanya untuk menempa kemenangan yang lebih besar.

Daripada segi bilangan anggota sahaja, Umno Kedah sudah mempunyai kelebihan berbanding parti-parti pembangkang. Dengan cawangan kira-kira 1,900 dan anggota berjumlah hampir 280,000 orang, sudah cukup untuk menggerunkan lawannya.

Ini belum mengambil kira bilangan anggota parti komponen BN lain seperti MCA, Gerakan dan MIC negeri.

Jika setiap anggota khususnya Umno berkhidmat secara ikhlas kepada parti, tiada sebab mengapa BN tidak boleh memperolehi kemenangan dua pertiga, malahan menyapu bersih kesemua 36 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 15 kerusi Parlimen.

Inilah yang cuba disematkan ke dalam kalbu anggota Umno oleh Menteri

Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang juga pengerusi Perhubungan Umno

Negeri dan BN Negeri pada majlis pelancaran jentera pilihan raya BN Negeri

oleh penasihatnya, Tun Dr Mahathir Mohamad, di sini Sabtu lepas.

Tidak kurang menarik ialah resipi mengandungi sembilan perencah untuk

menang yang beliau garisi dalam ucapannya pada majlis itu yang sekiranya

"ditumiskan" merupakan hidangan lazat untuk menambat hati 800,000 pemilih

berdaftar di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang.

Seandainya trek rekod BN dalam pentadbiran dan pembangunan negeri

adalah sebuah restoran yang indah, dan jasa perjuangan menaikkan martabat

bangsa, agama dan negara oleh Umno adalah pendingin hawanya, resipi itu

adalah sajian jiwa penambat hati rakyat.

Bukanlah hati nyamuk tujuh dulang yang dituntut oleh resipi itu tetapi,

antaranya, cuma bekerja secara berterusan dari sekarang tanpa mengharapkan imbuhan dalam bentuk projek dan sebagainya; sokong siapa jua yang terpilih calon kerana ia wakil parti; manfaatkan jentera pilihan raya untuk kepentingan parti dan bukannya peribadi;

Kemaskan logistik seperti peti undi, profil pengundi kawasan serta peralatan ICT; gembleng sepenuhnya kekuatan anggota dalam berkempen dan jangan lupa berdoa; dan berusaha meraih sokongan rakyat secara pujukan dan bukannya paksaan.

Memberi contoh bagaimana kekuatan anggota parti dapat digemblengkan, Syed Razak berkata jika setiap daripada hampir 280,000 anggota Umno Kedah menampal sekeping poster seorang, satu aspek pilihan raya iaitu perang poster, sudah dimenangi kerana seluruh pelusuk negeri Jelapang Padi ini menjadi biru dengan poster BN.

Sudah acapkali penganalisis politik berhujah bahawa kekalahan BN di 12 kerusi DUN dan lapan kerusi parlimen pada pilihan raya umum 1999 bukan kerana parti pembangkang kuat tetapi kerana Umno yang lemah. Lemah dalam erti kata anggotanya cukup ramai tetapi tindak tanduk mereka merugikan parti seperti tidak mahu menyokong calon kerana tidak puas hati.

Untuk mengubati keadaan itu, BN negeri beruntung kerana berjaya mendapatkan khidmat bekas perdana menteri sebagai penasihat Pilihan Raya BN Negeri Kedah.

Mesej beliau dalam ucapannya pada majlis itu cukup mudah dan jelas iaitu sekiranya mahu kemenangan dua pertiga, setiap anggota BN mesti menyokong sesiapa jua yang terpilih sebagai calon sama ada dari parti masing-masing mahupun parti komponen yang lain.

Pada peringkat awal ini ketokohan Dr Mahathir kelihatan berjaya menyemarakkan semangat mereka untuk memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada setiap calon BN yang bertanding tanpa mengira dari parti komponen mana.

Apabila beliau cuma meminta mereka mengangkat tangan sekiranya sanggup memberi sokongan kepada sesiapa jua yang terpilih sebagai calon BN, seluruh lebih 3,000 anggota BN yang hadir bingkas bangun mengangkat tangan

dan

berteriak dengan penuh bersemangat "Kami Sanggup".

Ketika Dr Mahathir tiba di hadapan stadium tertutup Sultan Abdul Halim

di mana majlis itu berlangsung, anggota-anggota BN, banyak juga yang berkopiah putih, berbaris dari pintu masuk hingga ke depan pentas untuk

berjabat tangan dengannya.

Sekiranya mereka benar-benar menghargai khidmat beliau dan berjuang

dengan ikhlas dan bersemangat, parti-parti pembangkang bakal menghadapi

masalah mempertahankan kerusi mereka yang sedia ada, apa lagi memperolehi

lebih banyak kerusi.

BN Kedah kehilangan majoriti dua pertiga apabila Keadilan memenangi

kerusi DUN Lunas dalam pilihan raya kecil 2000.

Bagaimanapun PAS kehilangan satu daripada 8 kerusi parlimennya iaitu

Pandang kepada Umno dalam pilihan raya kecil berikutnya.

Nasihat Dr Mahathir bagaimana menghadapi PAS, baik untuk parti itu jika

diamalkan, iaitu anggota Umno harus yakin bahawa parti itulah yang benar-benar menegakkan Islam dan meninggikan martabat ummah dan jangan

segan silu mendedahkan kepalsuan pihak lawan kepada rakyat.

Kepada pemilih bukan Melayu, Dr Mahathir berkata mereka tidak harus

termakan oleh muslihat PAS mahu berbaik-baik dengan mereka kerana parti

pembangkang itu tidak ikhlas dan hanya mahu memancing undi.

Sebaliknya kerjasama antara kaum dan perkongsian kuasa menerusi BN

telah terbukti berjalan secara ikhlas dan baik, kata beliau.

Setelah mengenal kekuatan diri dan "dipanaskan" oleh Dr Mahathir,

jentera pilihan raya BN Kedah sudah sepatutnya bersedia untuk meminjam

kata-kata Syed Razak, "membenamkan pembangkang ke dalam lumpur sawah" iaitu

di sarang mereka sendiri.

-- BERNAMA

ZS RON